

## **MOTIVASI PEMBELAJARAN KEMAHIRAN MENDENGAR BAHASA ARAB DAN HUBUNGANNYA DENGAN PENCAPAIAN PELAJAR**

Nor Hafizhoh Binti Azizan

*Sarjana Pendidikan (Pendidikan Islam), Universiti Kebangsaan Malaysia*  
hafizhoh86@gmail.com

Dr Harun Baharudin, Ph.D

*Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia*  
harunbaharudin@ukm.edu.my

Dr Mohd Isa Bin Hamzah, Ph.D

*Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia*  
isa.hamzah@ukm.edu.my

### **ABSTRAK**

Perkembangan pendidikan dalam Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah menggubal perubahan mata pelajaran pendidikan Islam lebih sistematik bagi memastikan kokurikulum berteraskan pendidikan dan pendidikan Islam dapat memainkan peranan penting terhadap pendidikan persekolahan pada masa kini. Pembelajaran bahasa Arab telah memberi cabaran hebat antara guru dan pelajar semasa Pdpc dilaksanakan dalam kelas. Tujuan kajian ini adalah mengenal pasti tahap motivasi, hubungan dan pencapaian dalam pembelajaran kemahiran mendengar bahasa Arab di kalangan pelajar sekolah. Kajian ini berbentuk kajian tinjauan dengan seramai 30 pelajar yang terlibat sebagai sampel kajian. Dengan terbina persoalan-persoalan kajian ini, penghasilan dua instrument untuk mengumpulkan data kajian iaitu soal selidik dan ujian kemahiran mendengar bahasa Arab. Hasil daripada dapatan kajian dapat dilihat tahap motivasi pembelajaran kemahiran mendengar bahasa Arab berada pada tahap tinggi, sederhana dan rendah. Begitu juga, terdapat hubungan yang signifikan antara motivasi dan pencapaian kemahiran mendengar bahasa Arab dan perbezaan yang signifikan antara tiga kumpulan motivasi pembelajaran. Garisan panduan pendidikan perlulah memainkan peranan utama dari keluarga, guru dan masyarakat dalam usaha meningkatkan prestasi serta dapat menghasilkan model insan yang berilmu dan beramal di masa hadapan.

**Kata Kunci:** Motivasi, hubungan dan pencapaian pembelajaran bahasa Arab

### **PENGENALAN**

Dalam pendidikan bahasa Arab memberi penekanan terhadap proses membaca adalah pendidikan formal yang telah diberi perhatian terutama melalui penerapan kemahiran mendengar berpandukan pertuturan dari segi sebutan bahasa yang perlu dicapai sepertimana terkandung dalam pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab pada peringkat sekolah menengah (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2000). Kemahiran mendengar adalah salah satu daripada komponen pembelajaran bahasa iaitu penguasaan bahasa dengan kemahiran bertutur, membaca dan menulis. Walaupun begitu, dalam konteks pengajaran, kemahiran mendengar tidak begitu

diberi penekanan hingga menyebabkan pelajar-pelajar tidak menyedari kepentingan kemahiran mendengar kepada mereka.

Implikasinya, pelajar-pelajar tidak begitu berkeyakinan untuk berinteraksi dalam bahasa Arab sesama mereka, mahupun dengan guru mereka. Kurang penekanan terhadap kemahiran mendengar bahasa Arab dalam pengajaran juga memberi kesan kepada motivasi dalaman pelajar (Nik Mohd Rahimi, 2005). Oleh demikian, ini akan menjejaskan daya komunikasi bahasa Arab dalam kalangan pelajar untuk berkomunikasi serta seseorang pelajar memerlukan dorongan motivasi yang tinggi. Tanpa dorongan motivasi, pelajar-pelajar akan mengambil sikap berdiam diri dan tidak berkomunikasi. Sikap ini tidak akan membantu pelajar-pelajar meningkatkan kemahiran berkomunikasi dalam kalangan pelajar dan juga menjejaskan pencapaian mereka.

## **KAJIAN LITERATUR**

Menurut Ee Ah Meng (1997) menyatakan istilah motivasi berasal daripada perkataan Latin *movere* yang bermakna ‘menggerakkan’. Oleh yang demikian, motivasi bermakna sesuatu usaha yang menggerakkan seseorang individu untuk melakukan sesuatu. Motivasi dipengaruhi oleh dua faktor (Murray, 1964), iaitu motivasi dalaman dan motivasi luaran. Motivasi dalaman termasuk kelaparan, kehausan, kepuasan dan perasaan. Dalam konteks pembelajaran, motivasi dalaman termasuk motivasi untuk membuat latihan sesuatu mata pelajaran, menguasai ilmu dan kemahiran sesuatu mata pelajaran dan rasa seronok mempelajari sesuatu mata pelajaran. Motivasi luaran termasuk pendapatan, kenaikan gaji, kenaikan pangkat dan penghargaan. Kedua-dua faktor ini akan mendesak seseorang ke arah satu matlamat. Aspek yang menjadi keutamaan kajian ini ialah aspek motivasi dalaman.

Kemahiran mendengar merupakan kemahiran asas dalam proses mempelajari bahasa (Nik Mohd Rahimi, 2003). Seseorang pelajar yang mempunyai kemahiran ini dengan baik, dapat memahami maksud serta membuat tafsiran daripada apa yang telah didengarinya (Kamarudin, 1986). Menurut Wan Izzuddin dan Wan Hasni (1991) memberikan pandangan bahawa ramai pelajar tidak mempunyai kemahiran mendengar yang baik disebabkan mereka tidak memberikan daya tumpuan yang bagus terhadap guru ketika sedang mengajar di dalam kelas. Tanpa kita sedari, pelajar gagal memberikan perhatian kepada guru kerana mereka menjalankan aktiviti selain mendengar seperti menulis, mencatat nota dan ada pula yang cuba membaca buku.

Perkembangan kemahiran mendengar merupakan komponen kemahiran berbahasa yang pertama dikuasai oleh kanak-kanak, dalam menjadi asas untuk menguasai semua aspek bahasa manusia dan menjadi asas kepada perkembangan kognitif kanak-kanak (Hyslop & Tone, 1988). Namun begitu, perkembangan kognitif kanak-kanak mempunyai hubungan dengan kemahiran mendengar. Kajian yang telah dijalankan oleh Sperry Corporation (Martel, 1984) mendapati bahawa manusia menggunakan 80 peratus (%) dari waktu sedarnya untuk berkomunikasi dan daripada jumlah itu 45% digunakan untuk mendengar, 30% untuk bertutur, 16% untuk membaca dan 9% untuk menulis. Hal ini menunjukkan bahawa aspek pendengaran memainkan peranan utama penerimaan maklumat.

Selain itu, kajian tentang kemahiran mendengar sebagai teknik pembelajaran tidak begitu menjadi tumpuan kepada penyelidikan-penyelidikan pengajaran dan pembelajaran. Menurut Mohamed Fadzil (2001) menegaskan bahawa kajian tentang kemahiran mendengar

sudah banyak dijalankan di luar Negara terutama dalam bidang pendidikan, pembelajaran, pengurusan, kekeluargaan, perkahwinan, komunikasi dan kaunseling akan tetapi tidak menjadi tumpuan penyelidikan dalam Negara. Hal ini memberi perbezaan yang tidak jauh dari konteks pendidikan bahasa, mengenai kajian kemahiran mendengar masih kurang berbanding dengan aspek kemahiran bertutur, membaca dan menulis. Ini kerana pakar-pakar linguistik lebih gemar menggunakan bahasa bertulis untuk mengkaji sistem sesuatu bahasa (Abdul Rashid, 1995).

## **METODOLOGI KAJIAN**

Reka bentuk kajian ini adalah kajian tinjauan. Kajian ini dijalankan di sekolah menengah Agama negeri Kedah. Responden yang terlibat dalam kajian ini seramai 30 pelajar dan teknik pemilihan sampel adalah secara rawak. Kajian ini menggunakan dua instrumen, soal selidik dan ujian kemahiran mendengar bahasa Arab. Soal selidik kajian ini dibahagi kepada dua bahagian. Bahagian I adalah untuk mendapatkan maklumat latar belakang responden. Bahagian II adalah untuk mengenal pasti motivasi pembelajaran kemahiran mendengar bahasa Arab.

Sebanyak 12 item dibina dalam bahagian dan item-item ini adalah Motivasi membuat latihan kemahiran mendengar bahasa Arab iaitu item 1, 2, 8, 9, 10 dan 12. Motivasi berusaha untuk menguasai kemahiran mendengar bahasa Arab iaitu item 3, 4, 5 dan 7. Motivasi keseronokan belajar kemahiran mendengar bahasa Arab iaitu item 6 dan 11.

Instrumen kedua pula, ujian kemahiran mendengar bahasa Arab yang dibahagikan kepada lima kategori ialah Kategori pertama iaitu subkemahiran kefahaman mendengar bunyi bahasa Arab. Kategori kedua iaitu subkemahiran kefahaman mendengar perkataan secara leksikal. Kategori ketiga iaitu subkemahiran kefahaman mendengar perkataan secara kontekstual. Kategori keempat iaitu subkemahiran kefahaman mendengar teks secara literal. Kategori subkemahiran kefahaman mendengar secara inferential. Kelima-lima kategori ini diselerakkan kepada lapan bahagian ujian kemahiran mendengar bahasa Arab.

Penganalisis data kajian ini dikategorikan skor min kepada tiga mata iaitu min = 1.00 hingga min = 2.33 ialah rendah, min = 2.34 hingga min = 3.67 ialah sederhana dan min = 3.68 hingga min = 5.00 ialah tinggi. Tahap interpretasi skor markah ujian kemahiran mendengar bahasa Arab, kajian ini mengkategorikan kepada tiga tahap penilaian skor min iaitu min = 0.00 hingga min = 39.99 ialah lemah, min = 40.00 ialah tinggi. Pekali korelasi pula, kajian ini menggunakan skala Alias Baba (1997)  $r = 0.00$  hingga  $r = 0.20$  tahap hubungannya sangat rendah,  $r = 0.21$  hingga  $r = 0.40$  tahap hubungannya rendah,  $r = 0.41$  hingga  $r = 0.60$  tahap hubungannya sederhana,  $r = 0.61$  hingga  $r = 0.80$  tahap hubungannya tinggi dan  $r = 0.81$  hingga  $r = 1.00$  tahap hubungannya sangat tinggi.

## **DAPATAN KAJIAN**

Jadual 1 menunjukkan taburan peratusan dan min motivasi pembelajaran kemahiran mendengar bahasa Arab. Berdasarkan jadual tersebut, keputusan min bagi aspek motivasi membuat latihan kemahiran mendengar bahasa Arab, menunjukkan satu item berada pada tahap rendah, empat item berada pada tahap sederhana dan satu item berada pada tahap tinggi. Item yang berada pada tahap rendah ialah item 8 merupakan min = 1.50 manakala tahap sederhana ialah item 1, 2, 9 dan 10, masing-masing keputusan min ialah min = 3.43, min = 3.50, min = 3.60 dan min = 3.70.

Taburan peratusan item 1 menunjukkan lebih ramai responden pelajar yang menyatakan sangat setuju (100.0%), bahawa mereka akan membuat latihan mendengar dengan mendengar VCD bahasa Arab, walaupun tidak diminta oleh guru, berbanding yang menyatakan tidak setuju (16.7%). Taburan peratusan item 2 menunjukkan lebih ramai responden yang menyatakan sangat setuju (100.0%) bahawa mereka akan membuat latihan mendengar dengan menonton filem (*YouTube*) bahasa Arab, walaupun tidak diminta oleh guru, berbanding yang menyatakan sangat tidak setuju (6.7%). Taburan peratusan item 8 menunjukkan lebih ramai responden yang menyatakan sangat setuju (100.0%) bahawa kemahiran mendengar bahasa Arab tidak penting kepada saya pada masa hadapan, berbanding yang menyatakan sangat tidak setuju (76.7%). Taburan peratusan item 9 menunjukkan lebih ramai responden menyatakan sangat setuju (100.0%) bahawa saya rasa risau jika saya tidak memahami soalan kefahaman yang ditanyakan guru kepada saya berbanding yang menyatakan sangat tidak setuju (6.7%). Taburan peratusan item 10 pula, menunjukkan lebih ramai menyatakan sangat setuju (100.0%) bahawa saya ingin membuat latihan mendengar kemahiran mendengar bahasa Arab sebanyak mungkin berbanding yang menyatakan sangat tidak setuju (3.3%).

Item yang berada pada tahap tinggi ialah 12 adalah keputusan min = 4.10. Taburan peratusan item 12 menunjukkan sangat setuju seramai ( 100.0%) responden pelajar menyatakan bahawa mereka rasa ketinggalan jika mereka tidak dapat menjawab soalan kefahaman guru secara lisan. Sekali gus, dapatan ini menunjukkan sebahagian besar responden pelajar mempunyai motivasi membuat latihan kemahiran mendengar bahasa Arab.

**JADUAL 1.** Taburan peratusan dan min motivasi pelajar terhadap kemahiran m mendengar bahasa Arab

Motivasi	1	2	3	4	5	Min
1. Walaupun tidak diminta oleh guru, saya membuat latihan mendengar VCD bahasa Arab.	0%	16.7%	43.3%	80.0%	100.0%	3.60
2. Walaupun tidak diminta oleh guru, saya membuat latihan mendengar dengan menonton filem video ( <i>YouTube</i> ) bahasa Arab.	6.7%	23.3%	53.3%	73.3%	100.0%	3.43
3. Saya risau apabila saya tidak memahami orang bercakap dalam bahasa Arab.	20.0%	33.3%	0%	73.3%	100.0%	3.53
4. Jika saya mendengar perkataan yang saya tidak faham, saya akan bertanya kepada guru.	6.7%	0%	23.3%	63.3%	100.0%	4.00
5. Jika saya mendengar perkataan yang saya tidak faham, saya akan bertanya kepada rakan-rakan.	0%	6.7%	30.0%	70.0%	100.0%	3.93

6.	Saya rasa seronok jika saya dapat mendengar dan memahami dengan baik pengajaran guru dalam bahasa Arab.	0%	6.7%	13.3%	33.3%	100.0%	4.46
7.	Saya rasa, saya ini tergolong dalam pelajar yang lemah dalam kemahiran mendengar bahasa Arab.	13.3%	0%	53.3%	100.0%	0%	3.20
8.	Kemahiran mendengar bahasa Arab tidak penting kepada saya pada masa hadapan.	76.7%	86.7%	93.3%	0%	100.0%	1.50
9.	Saya rasa risau jika saya tidak memahami soalan kefahaman yang ditanyakan oleh guru kepada saya.	6.7%	20.0%	33.3%	70.0%	100.0%	3.70
10.	Saya ingin membuat latihan kemahiran mendengar bahasa Arab sebanyak mungkin.	3.3%	16.7%	50.0%	80.0%	100.0%	3.50
11.	Saya suka membantu kawan-kawan yang tidak dapat menjawab soalan kefahaman semasa guru mengajar.	16.7%	23.3%	43.3%	93.3%	100.0%	3.23
12.	Saya rasa ketinggalan jika saya tidak dapat menjawab soalan kefahaman guru secara lisan.	6.7%	20.0%	23.3%	40.0%	100.0%	4.10
Min keseluruhan = 42.20, sisihan piawai = 5.89							

Bagi aspek motivasi berusaha menguasai kemahiran mendengar bahasa Arab dapatan kajian menunjukkan min, keempat-empat berada di tahap sederhana tinggi. Item yang berada pada tahap sederhana tinggi ialah 3, 4, 5 dan 7, masing-masing keputusan min ialah min = 3.53, min = 4.00, min = 3.93 dan min = 3.20. Taburan peratusan 3 menunjukkan seramai 100.0% responden pelajar menyatakan sangat setuju bahawa mereka risau jika mereka tidak memahami orang bercakap dalam bahasa Arab. Taburan peratusan item 4 menunjukkan seramai 100.0% responden pelajar yang menyatakan sangat setuju bahawa jika mereka terdengar perkataan yang tidak difahami, mereka akan bertanya kepada guru. Taburan peratusan item 5 menunjukkan seramai 100.0% responden pelajar yang menyatakan sangat setuju bahawa jika mereka terdengar perkataan yang tidak difahami mereka akan bertanya kepada rakan-rakan. Taburan peratusan item 7 menunjukkan seramai 100.0% responden pelajar yang menyatakan setuju bahawa mereka rasa, mereka ini tergolong dalam orang yang lemah dalam kemahiran mendengar bahasa Arab. Oleh itu, secara keseluruhan, dapatan ini

menunjukkan sebahagian besar responden pelajar mempunyai motivasi berusaha untuk menguasai kemahiran mendengar bahasa Arab.

Bagi aspek motivasi keseronokan belajar kemahiran mendengar bahasa Arab, keputusan min menunjukkan satu item berada pada tahap sederhana tinggi dan satu lagi berada pada tahap tinggi. Item yang berada pada tahap sederhana tinggi ialah item 11 (min = 3.23). Taburan peratusan menunjukkan lebih ramai responden yang menyatakan sangat setuju (100.0%) bahawa mereka suka membantu kawan-kawan yang tidak dapat menjawab soalan kefahaman, berbanding yang menyatakan sangat tidak setuju (16.7%). Item yang berada pada tahap tinggi ialah item 6 (min = 4.46). Taburan peratusan item 6 menunjukkan seramai 100.0% responden pelajar menyatakan mereka sangat setuju bahawa mereka rasa seronok jika dapat mendengar dan memahami dengan baik pengajaran guru dalam bahasa Arab. Justeru dapatan ini menunjukkan sebahagian besar responden mempunyai motivasi keseronokan belajar kemahiran mendengar bahasa Arab.

Keputusan pencapaian pelajar-pelajar dalam kemahiran mendengar bahasa Arab ditunjukkan dalam Jadual 2. Keputusan mengikut tahap jantina, pelajar lelaki mendapati tahap tinggi ialah 18 orang (60.0%). Bagi pelajar perempuan mendapati tahap sederhana ialah 12 orang (100.0%) dan tahap lemah hanya dapat dinilai dari penguasaan kemahiran mendengar bahasa Arab. Keputusan min keseluruhan menunjukkan pencapaian pelajar dalam kemahiran mendengar bahasa Arab, secara keseluruhannya berada pada tahap sederhana iaitu min = 42.20.

**JADUAL 2.** Peratusan gred pencapaian pelajar-pelajar dalam kemahiran mendengar bahasa Arab

Tahap (Jan)	Kekerapan	Peratusan
Lelaki	18	60.0%
Perempuan	12	100.0%

Min = 42.20, Sisihan Piawai = 5.89

Ujian pekali korelasi ditunjukkan dalam Jadual 3. Dapatan kajian mendapati nilai  $r$  ialah  $r = 0.385^*$  pada aras signifikan 0.05. Ini menunjukkan motivasi pembelajaran kemahiran mendengar mempunyai hubungan yang positif dengan pencapaian kemahiran mendengar bahasa Arab. Kekuatan hubungan antara kedua pemboleh ubah itu berada pada tahap hubungan yang rendah, iaitu antara  $r = 0.21$  hingga  $r = 0.40$ . Ini menunjukkan pelajar yang mempunyai motivasi yang rendah, juga mendapat keputusan yang rendah dalam pencapaian kemahiran mendengar bahasa Arab. Oleh itu, dapat disimpulkan semakin rendah motivasi pembelajaran kemahiran mendengar, semakin rendah pencapaian kemahiran mendengar bahasa Arab. Begitu juga sebaliknya, semakin tinggi motivasi pembelajaran kemahiran mendengar, semakin tinggi pencapaian kemahiran mendengar bahasa Arab.

**JADUAL 3.** Ujian pekali korelasi motivasi dengan pencapaian kemahiran mendengar bahasa Arab

Pemboleh Ubah	r	r <sup>2</sup>	Sig.
Motivasi pembelajaran kemahiran mendengar bahasa Arab	0.385*	0.036	0.01
Pencapaian kemahiran mendengar bahasa Arab			

\*signifikan pada aras = 0.05

Ujian Anova sehala ditunjukkan dalam Jadual 4. Keputusan ujian Anova men dapat terdapat perbezaan yang signifikan antara jantina pelajar iaitu pelajar lelaki motivasi sederhana berbanding pelajar perempuan motivasi tinggi. Ini menunjukkan pelajar yang mempunyai motivasi yang tinggi dalam pembelajaran kemahiran mendengar mempunyai perbezaan yang signifikan dengan kumpulan motivasi sederhana dan rendah. Begitu juga kumpulan motivasi rendah mempunyai perbezaan yang signifikan dengan kumpulan motivasi sederhana. Ini mempunyai pelajar-pelajar yang mempunyai motivasi yang sederhana juga mendapat keputusan yang sederhana dalam pencapaian kemahiran mendengar bahasa Arab.

**JADUAL 4.** Ujian Anova satu hala bagi tahap kemahiran mendengar antara kumpulan-kumpulan pelajar mengikut tahap minat

Punca Variasi	dK	Jumlah Kuasa Dua	Anggaran Varian	F	K
Antara kumpulan	1	0.00	1	0.00	0.00*
Dalam kumpulan	28	34.00	28		
Jumlah	29	34.00	29		

## PERBINCANGAN

Dapatan kajian mendapati tahap motivasi pelajar-pelajar terhadap kemahiran mendengar bahasa Arab berada pada tahap tinggi (min keseluruhan = 42.20). Ini menunjukkan pelajar-pelajar mempunyai motivasi yang tinggi untuk menguasai kemahiran mendengar bahasa Arab. Dapatan kajian ini didapati selaras dengan dapatan kajian Dahab (1999) yang mana beliau mendapati motivasi pelajar-pelajar terhadap mata pelajaran bahasa Arab adalah tinggi. Demikian juga dapatan kajian ini didapati menepati dapatan kajian Misnan (1999) yang mana beliau mendapati motivasi pelajar-pelajar terhadap mata pelajaran bahasa Arab berada pada tahap yang tinggi.

Oleh demikian, dapatan kajian ini didapati selaras dengan dapatan kajian Armstrong dan Rentz (2002), iaitu hubungan antara motivasi dengan pencapaian pelajar-pelajar. Mereka yang menjalankan penyelidikan tindakan terhadap pelajar-pelajar di Midwestern. Illinois mendapati motivasi mereka tidak memuaskan dan pencapaian mereka juga tidak memuaskan. Setelah diberi motivasi, didapati motivasi mereka tinggi dan pencapaian mereka bertambah baik. Ini menunjukkan ada sumbangan motivasi yang tinggi terhadap pencapaian.

Dapatan kajian juga mendapati pelajar-pelajar merasa seronok apabila mereka dapat mendengar dan memahami dengan baik pengajaran guru dalam bahasa Arab. Dapatan item 6 menunjukkan seramai 100.0% responden pelajar menyatakan mereka sangat setuju bahawa mereka rasa seronok jika dapat mendengar dan memahami dengan baik pengajaran guru dalam bahasa Arab. Walhal pelajar-pelajar merasa ketinggalan apabila mereka tidak dapat menjawab soalan kefahaman guru secara lisan. Dapatan item 12 menunjukkan seramai 100.0% responden pelajar yang menyatakan bahawa mereka rasa ketinggalan jika mereka tidak dapat menjawab soalan kefahaman guru secara lisan. Ini menunjukkan motivasi pelajar-pelajar semasa berinteraksi dengan penyampaian guru bahasa Arab. Mereka mendengar dengan sepenuh motivasi terhadap penyampaian guru dalam bahasa Arab, jika mereka faham, mereka rasa seronok dan sebaliknya, jika mereka tidak dapat menjawab soalan dan mereka rasa ketinggalan.

Dapatan kajian ini juga, menunjukkan pelajar-pelajar akan bertanya guru dan rakan-rakan apabila mereka mendengar perkataan yang mereka tidak difahami. Dapatan item 4 menunjukkan seramai 100.0% responden pelajar yang menyatakan sangat setuju bahawa mereka terdengar perkataan yang tidak difahami, mereka akan bertanya kepada guru. Dapatan item 5 menunjukkan seramai 100.0% responden pelajar yang menyatakan sangat setuju bahawa mereka terdengar perkataan yang tidak difahami mereka akan bertanya kepada rakan-rakan. Ini menunjukkan bahawa pelajar-pelajar mempunyai motivasi untuk memahami perkataan-perkataan yang mereka tidak faham. Menurut kajian Barr et al. (2002) pelajar-pelajar yang mempunyai motivasi dalam kemahiran mendengar tahu apa peranan yang perlu mereka lakukan sebagai seorang pendengar baik. Antara peranan sebagai pendengar yang baik ialah; (1) membuat pemantauan-kendiri, iaitu pelajar-pelajar memantau diri mereka dengan memberi penumpuan sepenuhnya kepada penyampai maklumat atau guru, dan mereka memantau diri minda mereka agar tidak terfikir hal-hal lain; (2) merumuskan penjelasan, iaitu pelajar-pelajar dapat merumuskan kefahaman terhadap penerangan yang disampaikan oleh guru mereka; (3) mengadaptasikan kemahiran berfikir yang tinggi, iaitu pelajar-pelajar menggunakan kemahiran berfikir aras tinggi termasuk analisis, sintesis, dan penilaian; (4) mengadaptasikan kemahiran mendengar sebagai salah satu saluran pembelajaran.

Dapatan kajian juga mendapati bahawa wujudnya hubungan antara motivasi terhadap kemahiran mendengar bahasa Arab dengan pencapaian kemahiran mendengar bahasa Arab ( $r = 0.385$ ). Ini menunjukkan pencapaian pelajar-pelajar dalam kemahiran mendengar bahasa Arab sedikit sebanyak dipengaruhi oleh motivasi pelajar-pelajar terhadap kemahiran mendengar bahasa Arab. Sekali gus ini menunjukkan pelajar-pelajar yang mempunyai motivasi yang sederhana tinggi terhadap kemahiran mendengar bahasa Arab juga mendapat pencapaian yang sederhana tinggi dalam kemahiran mendengar bahasa Arab. Dapatan ujian korelasi ini diperkukuhkan oleh dapatan ujian anova yang mengikut kajian yang dihasilkan dalam dapatan kajian.

Mengikut Lightbown dan Spada (1999) motivasi yang tinggi biasanya lahir dari dalam diri pelajar bahasa kedua yang dipelajari, iaitu mereka belajar bahasa Arab atas kemahuannya sendiri. Justeru secara tidak langsung, dapatan ini menunjukkan pelajar-pelajar mempelajari bahasa Arab bukan kerana tekanan luar. Sekali gus dapatan ini tidak selari dengan dapatan yang mendapati terdapat pelajar yang belajar bahasa Arab atas kemahuan ibu bapa, bukannya atas kemahuannya sendiri (Nik Mohd Rahimi 2000). Mengikut Gardner dan Lambert (1972)



jika seseorang pelajar itu mempelajari bahasa kedua dengan tekanan luar, maka motivasi pelajar itu akan menjadi rendah.

### **IMPLIKASI KAJIAN**

Implikasi hasil dapatan kajian, motivasi pelajar-pelajar terhadap kemahiran mendengar bahasa Arab adalah sederhana tinggi. Walau bagaimanapun, motivasi dalaman ini perlu diberi sokongan dari semasa ke semasa demi memastikan ianya sentiasa pada tahap sederhana tinggi ini. Dengan ini, pencapaian pelajar-pelajar dalam kemahiran mendengar bahasa Arab dapat ditingkatkan lagi. Ini adalah berdasarkan kajian yang menunjukkan wujudnya hubungan antara motivasi pelajar-pelajar terhadap kemahiran mendengar bahasa Arab dengan pencapaian mereka. Menurut Skehan (1998), banyak kajian yang menunjukkan hubungan antara motivasi dengan pencapaian, tetapi persoalan yang perlu dijawab lagi ialah yang mana satu pemboleh ubah itu mendahului pemboleh ubah yang satu lagi; adakah pelajar-pelajar yang mempunyai motivasi tinggi akan mendapat pencapaian yang tinggi atau adakah pencapaian yang tinggi menjadikan motivasi pelajar-pelajar tinggi?

Dalam pada itu, pihak-pihak yang berkenaan perlu mengambil langkah-langkah yang membina agar pembelajaran kemahiran mendengar bahasa Arab tidak dipinggirkan dalam arus globalisasi masa kini yang memartabatkan bahasa Inggeris sebagai bahasa kedua. Guru bahasa Arab harus memainkan peranan mereka dengan cara memupuk diri pelajar agar lebih berminat mempelajari bahasa Arab, khususnya menerusi kemahiran mendengar bahasa Arab. Guru-guru hendaklah membimbing pelajar-pelajar supaya bertanggungjawab dan mengambil daya inisiatif mempelajari kemahiran mendengar bahasa Arab dengan belajar sendiri tanpa guru secara perbincangan bersama rakan-rakan dan menggunakan sumber-sumber pembelajaran yang lain.

Di samping itu, pelajar harus memanfaatkan sepenuhnya kelas-kelas bahasa Arab yang dijalankan dengan cara mengambil bahagian, memberi pendapat dan bertanya soalan dengan menggunakan bahasa Arab mengikut kebolehan serta kemampuan. Usaha yang berterusan oleh pelajar seperti membuat kerja rumah yang diberi oleh guru dan membuat ulang kaji tambahan akan dapat meningkatkan keyakinan pelajar mencapai pencapaian lebih baik dalam kemahiran mendengar bahasa Arab. Para pelajar juga harus melibatkan diri dalam Persatuan Bahasa Arab. Kebiasaannya program-program berbentuk pertandingan syarahan, kuiz, menulis esei dan sebagainya dianjurkan oleh Panitia Bahasa Arab.

Pentadbir sekolah juga boleh memainkan peranan dengan memastikan kemahiran mendengar bahasa Arab tidak hanya dipelajari di dalam kelas sahaja. Malahan pihak pentadbir dan para guru bahasa Arab boleh berganding bahu dengan menganjur hari bahasa Arab yang mana guru bahasa Arab mengaplikasikan penggunaan bahasa Arab dalam perbualan. Situasi ini dapat meningkatkan motivasi pelajar untuk menguasai bahasa Arab. Metodologi dan pendekatan pengajaran yang menarik harus difikirkan oleh guru bagi meningkatkan motivasi pembelajaran kemahiran mendengar bahasa Arab dalam kalangan pelajar yang berprestasi rendah. Pelajar lemah digalakkan menghadiri kelas tambahan dan aktiviti pemulihan dan pengayaan harus dilakukan.

### **KESIMPULAN**

Berdasarkan dapatan dan perbincangan hasil kajian dapat dibuat rumusan bahawa motivasi yang tinggi dalam pembelajaran kemahiran mendengar bahasa Arab sebagai bahasa kedua

mempunyai hubungan yang signifikan dengan pencapaian pelajar. Kajian-kajian lepas yang berkaitan menunjukkan bahawa motivasi pelajar merupakan salah satu pemboleh ubah yang dapat mempengaruhi tahap pencapaian pelajar, kerana motivasi dapat mempengaruhi apa, mana dan bagaimana kita belajar. Motivasi bukan sahaja mempengaruhi hasil tetapi apa yang dilakukan dan dipelajari juga mempengaruhi motivasi selanjutnya.

## **RUJUKAN**

### **JURNAL**

- Abdul Rashid Ali. 1995. Kefahaman mendengar pelajar-pelajar tingkatan satu di tiga buah sekolah menengah di Wilayah Persekutuan. Tesis Sarjana Pendidikan. Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi.
- Amstrong. S. & Rentz. T. 2002. Improving listening skills and motivation. Research Project. Saint Xavier University, Chicago. Illinois.
- Barr. L. Dittmar. M. Roberts. E. & Sheraden. M. 2002. Enhancing student achievement through the improvement of listening skills. Research Project. Saint Xavier University, Chicago, Illinois.
- Dahab, Mohamed Ibrahim. 1997. Evaluation of the Arabic language integrated curriculum for secondary schools (KBSM). Tesis Dr. Fal. Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi.
- Mohamed Fazdil Che Din. 2001. Kajian tinjauan kemahiran mendengar di kalangan pelajar sekolah-sekolah menengah Selangor. *Vir TEC Journal* 1: 23-32.
- Misnani Jamali. 1999. Hubungan antara gaya pembelajaran dengan pencapaian Bahasa Arab Komunikasi sekolah menengah rendah di negeri Perak. Tesis Sarjana Pendidikan. Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi.
- Nik Mohd Rahimi. 2005. Penilaian kemahiran mendengar dalam Kurikulum Bahasa Arab Komunikasi. Tesis Dok. Fal. Fakulti Pendidikan, Bangi UKM.

### **BUKU**

- Ee Ah Meng. 1997. Psikologi pendidikan II. Shah Alam: Fajar Bakti.
- Gadner, R. C. & Lambert. W. E. 1972. Attitude and motivation in second language learning. London: Newbury House.
- Gadner, R. C. 1985. Social psychology and second language learning: The role of attitude and motivation. London: Edward Arnold.
- Nik Mohd Rahimi. 2003. Pengajaran kemahiran mendengar Bahasa Arab: Antara tradisi dan inovasi. *Prosiding Wacana Pendidikan Islam (siri 3)*. Hlm. 200-213.

## LAMAN SESAWANG

- Hyslop, N. & Tone, B. 1988. Listening: Are we teaching it, and if so, how. ERIC Digest 3 (atas talian) <http://ed.gov/database/ERIC Digest3/ed295132.html> (5 Mac 2001).
- Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM). 2013. KBAT Inisiatif Kemahiran Berfikir Aras Tinggi di sekolah. (Putrajaya: Kementerian Pendidikan Malaysia). 1.
- Kamarudin Hj. Husin. 1986. Kaedah pengajaran dan pembelajaran bahasa. Subang Jaya: Sarjana.
- Lightbown, P. M. & Spada, N. 1999. How languages are learned. Oxford: Oxford University Press.
- Murray, E. J. 1964. Motivation and emotion. New Jersey: Prentice-Hall, Inc.
- Martel, M. 1984. Before you say a word: The executive guide to effective communication New Jersey: Englewood Cliffs, Prentice Hall Inc.
- Skehan, P. 1998. A cognitive approach to language learning. Oxford: Oxford University Press.
- Wan Izzuddin Wan Sulaiman & Wan Hasni Wan Sulaiman. 1991. Strategi belajar yang berkesan. Kuala Lumpur: Sabha-DTP Services.